


**UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,
2009**

PG. 22

PG. 7

**MAT BERHORMAT KE
PEHIN SRI HAJI ARDU**



**Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri**

PG. 10



**Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12**

■ **UiTM Sarawak
Conference** PG. 4
2008

■ **Diploma Show:
Pelajar Grafik**
PG. 34

■ **UiTM Sarawak At
The International
Level** PG. 40

Hari Aktiviti 2008

(Wan Samiati Andriana W Mohamd Daud)

Hari Aktiviti bertemakan GET FIT TO BE CREATIVE anjuran bersama Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi dan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka telah berlangsung pada 25 Julai 2008 di Dewan Jubli Universiti Teknologi Mara Sarawak. Seramai 100 orang kakitangan UiTM Sarawak mengambil bahagian dalam aktiviti ini.

Acara dimulakan dengan senamrobik dan senaman poco-poco serta diikuti dengan acara explorace yang mana dibahagikan kepada 6 checkpoint. Setiap kumpulan dikehendaki untuk menyelesaikan aktiviti di setiap checkpoint bagi mendapat bahan-bahan yang akan digunakan di checkpoint yang terakhir di mana setiap kumpulan dimestikan menghasilkan pakaian beragam lelaki dan wanita untuk tujuan peragaan.

Hari Aktiviti ini dianjurkan adalah bertujuan untuk memupuk semangat ukhwah dan kerjasama yang tinggi di kalangan kakitangan UiTM Sarawak selain menguji ketahanan mental serta fizikal kakitangan di samping menimba pengalaman baru. Hadiah telah disampaikan oleh En. Jalil Lop, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar



Tarian Poco-poco

Pasukan bersiap sedia untuk membuat persembahan



Persembahan pakaian beragam



Pengelola Hari Aktiviti

SEMINAR KERJAYA DPIM

Pada 22 Mac yang lalu, pihak Diploma Pengurusan Ladang telah mengadakan satu seminar kerjaya yang melibatkan seramai 44 orang para pelajar dari bahagian 5 dan bahagian 6. Seminar ini diadakan di Auditorium 1 dan disertai juga oleh tiga orang pensyarah iaitu Puan Hasmah bt Mohidin, Puan Azlina bt Ghazali serta Puan Lily Motem.

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk membantu para pelajar dalam menyediakan resume dengan baik dan berkualiti, untuk mendengar dan memahami mengenai sumber manusia dan organisasi sebuah jabatan, dapat menyedari kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan dalam organisasi pekerjaan serta dapat mengetahui persediaan apabila menghadiri temuduga nanti. Tambahan pula, para pelajar dapat membuat persediaan dalam menempuhi alam pekerjaan untuk masa hadapan. Seminar ini juga dapat membantu para pelajar dalam meningkatkan keyakinan diri mereka untuk bekerja dengan penuh semangat dan berkualiti sekaligus membimbing mereka untuk mengharungi segala bentuk cabaran apabila menempuh alam pekerjaan nanti. Tidak kurang juga, para pelajar dapat pelbagai nasihat serta khidmat kaunseling mengenai alam pekerjaan kelak.

Antara aspek yang diberi penekanan adalah seperti slot kerjaya yang disampaikan oleh Puan Azlian Ghazali dengan menekankan keperluan bahasa Inggeris dalam kerjaya di pengurusan Perladangan dan lain-lain sektor pertanian dan penyelidikan. Penulisan resume turut dititikberatkan dengan penceramah bimbingan oleh Puan Lily Metom serta seminar diakhiri dengan slot temuduga dan mencari peluang pekerjaan melalui data internet dan jaringan industri yang disampaikan oleh Puan Hasmah Mohidin.

Memang tidak dinafikan yang seminar ini telah berjaya memberi input yang begitu berkesan kepada para pelajar untuk mendapatkan pekerjaan serta menjadi pekerja yang berkualiti serta cemerlang pada masa akan datang.



Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan.
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK